

Naib Canselor UUM, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, tempoh ketika belajar di universiti adalah tempoh paling sesuai untuk belajar menjadi pemimpin.

Katanya, tempoh yang pembelajaran tiga hingga empat tahun adalah tempoh kritikal yang sepatutnya digunakan sepenuhnya oleh pelajar untuk mendalami jiwa sebagai pemimpin.

"Ini kerana alam pekerjaan selepas belajar di universiti adalah alam yang berbeza dengan alam kehidupan mahasiwa.

"Tempoh ini adalah tempoh berlatih untuk menjadi pemimpin seterusnya tempoh memberi sumbangan kepada masyarakat apabila kita bekerja," katanya.

Selain itu, katanya, beliau akan mengubah lanskap kehidupan di Dewan Penginapan Pelajar (DPP) dengan menggalakkan lebih banyak aktiviti dijalankan bagi mengisi ruang sedia ada dalam kehidupan di kampus.

"Kita mahu pelajar mengamalkan konsep "*learning is a life style*" supaya mereka menambah skil yang sedia bagi membolehkan mereka menyumbang kepada masyarakat dan universiti.

"Kita akan memberi galakan kepada mereka untuk menambah aktiviti seperti belajar bermain muzik, bersilat dan aktiviti lain di sekitar kawasan DPP bagi membolehkan mereka merasai kehidupan sebagai seorang pelajar universiti," katanya.

Selain itu, katanya, pihak pengurusan universiti akan menggalakkan DPP menjana pendapatan sendiri dengan menganjurkan pelbagai program serta menawarkan penginapan asrama kepada pihak luar ketika musim cuti semester bagi menambah pendapatan.

"Paling penting, kita mahu melihat *outcomes* dan setiap program mesti mempunyai impak besar kepada universiti dan masyarakat.

"Kita kena mencipta sesuatu, kadang-kadang program yang dibuat tidak mempunyai impak membuat kita kecewa, oleh itu, kita berbuat sesuatu yang hebat dan memberi kesan serta akhirnya, kita berpuas hati dengan apa yang kita lakukan.

"Sememangnya, kita memerlukan banyak aktiviti kerana berada di utara tanah air serta agak jauh dari Lembah Klang yang demikian kita sangat perlu banyak aktiviti supaya kawasan kampus hidup," katanya.

Mustafa berkata, aktiviti juga membolehkan kehidupan mahasiswa sentiasa terisi dengan perkara berfaedah.

Habis

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my